

# Kit Siang dikecam jadi punca jejaskan hubungan bangsa

**KUALA LUMPUR, Ahad**  
— Ketua Pem-  
bangkang, Encik Lim  
Kit Siang, hari ini dike-  
cam sebagai 'orang  
yang bertanggungja-  
wab menjejaskan per-  
saudaraan yang sedia  
terjalin antara orang  
Melayu dengan  
bangsa lain'.

Presiden Umno yang  
juga Perdana Menteri,  
Datuk Seri Dr Ma-  
hathir Mohamad,  
mengkritik Setiausaha  
Agung DAP itu kerana  
dakwaannya bahawa  
setiap kali diadakan  
perhimpunan agung  
Umno, akan kedenga-  
ran ucapan-ucapan  
cauwanistik yang ko-  
nonnya menimbulkan  
kegelisahan di ka-  
langan rakyat bukan  
Melayu.

"Sebentar tadi saya di-  
minta membuat ko-  
men mengenai dak-  
waan Kit Siang  
itu...Jawapan saya mu-  
dah sahaja. Bila dia  
buat ucapan, kita tak  
rasa gellisahkah?

"Setiap kali DAP cakap,  
kita rasa gelisah dan  
marah. Tali persauda-  
raan kita dengan  
kaum lain, Kit  
Sianglah yang menja-  
hanamkannya," te-  
gasnya disambut tepu-  
kan gemuruh  
perwakilan.

Datuk Seri Dr Mahathir  
selaku Presiden Umno  
berkata demikian keti-  
ka menggulung perba-  
hasan di hari terakhir  
Perhimpunan Agung  
Umno ke-34 di sini.

Bellau juga secara ber-  
seloroh menyebut  
akhbar-akhbar kerana  
membuat liputan 'ku-  
rang tepat' mengenai  
beberapa ucapan pen-  
tingnya.

No. Siri .....

No. Penerbitan .....